20

PENGGUNAAN ICT DALAM PEMBELAJARAN PEMBEZAAN YANG BERPUSATKAN PELAJAR

Maslina Mohtar
Mohamad Firuz Jelaludin

Sekolah Rendah Anchor Green

Abstrak

ICT adalah alat yang berguna dalam usaha menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih relevan dalam abad ke-21. Guru perlu menggunakan pengetahuan dan kecekapan mereka bagi menghadapi cabaran-cabaran yang sentiasa berubah. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini membincangkan bagaimana penggunaan 10'M Aksara dan *McOnline* berjaya menghasilkan Pembelajaran Pembezaan yang berpusatkan pelajar secara berkesan. Praujian dan pascaujian digunakan untuk meninjau pencapaian murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 75% murid menyumbang secara aktif dalam pembelajaran dan belajar secara kendiri dalam bilik darjah dengan adanya penggunaan portal 10'M Aksara dan *McOnline*.

Pengenalan

Sekolah Rendah Anchor Green mula beroperasi pada tahun 2008. Pada ketika itu, Jabatan Bahasa Melayu hanya mempunyai seorang guru sahaja. Cabaran utama yang dihadapi ialah kekurangan tenaga pengajar yang boleh membantu membina bahan-bahan pengajaran. Dengan adanya cabaran ini, guru telah mempertimbangkan penggunaan ICT dalam bilik dajah. Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Anchor Green telah dijemput oleh *Educational Technology Division* (ETD), Kementerian Pendidikan untuk menjadi salah sebuah sekolah yang terlibat dalam projek rintis untuk penggunaan projek 10'M Aksara. Sokongan yang diberikan oleh sekolah dan kemudahan yang telah sedia ada membantu pelaksanaan kajian ini. Kajian ini hanya melibatkan murid rendah bawah.

Selain dari projek 10'M Aksara, platform *McOnline* juga digunakan dalam kajian ini. Murid-murid Darjah 1 khususnya menggunakan platform 10'M Aksara. Manakala, murid Darjah 2 dan 3 menggunakan platform *McOnline*. Kedua-dua platform ini digunakan seiring dengan pakej Mekar. Platform ini digunakan untuk mengasah kemahiran membaca, bertutur, mendengar dan menulis murid. Pada peringkat Darjah 1, fokus diberikan kepada kemahiran membaca dan bertutur. Pada peringkat Darjah 2 dan 3 pula, fokus diberikan kepada kemahiran mendengar dan menulis. Perkara ini juga seiring dengan objektif kajian dan inisiatif pemerintah dalam memupuk kemahiran abad ke-21 dalam diri murid.

Kajian ini juga bertujuan untuk menghidupkan lagi pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Pada peringkat yang lebih lanjut, platform yang telah disebutkan ini digunakan untuk melaksanakan strategi pendidikan iaitu dari sudut pembelajaran terarah kendiri atau self-directed learning (SDL) dan pembelajaran kolaborasi (CoL). Platform 10'M Aksara dan *McOnline* ini juga telah banyak memberi peluang kepada guru

menggunakan ICT untuk melaksanakan pengajaran pembezaan yang lebih berkesan dan bermakna. Penggunaan ICT juga mampu memupuk kemahiran berfikir secara kritikal dalam diri setiap murid. Murid bertanggungjawab ke atas setiap pembelajaran mereka. Guru bertindak sebagai fasilitator dan memberikan sokongan yang diperlukan oleh murid dalam bilik darjah.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. meneliti keberkesanan kedua-dua platform untuk mengasah kemahiran membaca, bertutur, mendengar dan menulis;

2. menghasilkan pembelajaran pembezaan yang berkesan; dan

3. memupuk kebolehan murid berkomunikasi secara berkesan, belajar secara kendiri dan menyumbang secara aktif dalam pembelajaran.

Kajian Lepas

Perkembangan teknologi menyebabkan penggunaan komputer yang lebih kerap di sekolah-sekolah. Banyak aspek pengajaran dan pembelajaran yang meraih manfaat melalui penggunaan komputer. Oleh sebab itu, sudah menjadi kewajiban bagi guru untuk mempertingkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi. Perkara ini selaras dengan kenyataan Heinich (1993) bahawa komputer dapat memperkaya teknik pengajaran. Merrill (1986) pula menyatakan bahawa komputer adalah mesin memproses maklumat yang perlu diberikan arahan oleh penggunanya. Arahan yang dimaksudkan oleh Merrill ini diberikan melalui peralatan-peralatan seperti papan

kekunci, kad grafik, unit pemprosesan pusat (CPU) dan sebagainya.

Pembelajaran Pembezaan memerlukan guru untuk merancang pengajaran berdasarkan kemahiran murid. Dalam pembelajaran sebegini, murid bertanggungjawab terhadap pembelajarannya sendiri. Strategi ini dianggap sebagai alat yang penting untuk menarik minat murid dan sekaligus menangani kebolehan setiap murid yang berbeza.

Tomlinson C (2000), telah mengenal pasti empat perkara yang boleh dibezakan dalam pembelajaran pembezaan. Empat perkara yang dimaksudkannya ialah kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran. Dalam menyediakan bilik darjah untuk pembelajaran pembezaan, guru perlu memastikan kesediaan, minat dan gaya pembelajaran kesemua murid dalam bilik darjah. Oleh itu, dalam pelaksanaan kajian ini, fokus diberikan kepada pembelajaran pembezaan yang berkesan dengan bantuan penggunaan ICT.

Kaedah Kajian

Kajian ini mengambil kira kaedah kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Data yang dianalisis secara kuantitatif akan diberikan kewajarannya secara kualitatif bagi menyokong dapatan kajian tersebut.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 1. Seramai 24 orang murid dipilih secara rawak sebagai kumpulan eksperimental. Mereka merupakan murid daripada tahap keupayaan yang bercampur dalam lingkungan umur 6 dan 7 tahun. Murid-murid ini merupakan kumpulan yang mengikuti pembelajaran secara ICT sebanyak 50% melalui penggunaan 10’M Aksara dan juga *McOnline*. Murid-murid ini juga telah mengikuti pembelajaran melalui portal 10’M daripada peringkat Darjah 1 sehingga Darjah 2.

Instrumen Kajian

Pemerhatian guru terhadap sikap dan cara belajar murid penting dalam kajian ini. Untuk menilai keberkesanan strategi yang digunakan dalam bilik darjah, guru menilai respons murid terhadap aktiviti yang dijalankan serta hasil kerja mereka melalui portal 10'M Aksara. Borang maklum balas digunakan untuk mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan strategi pengajaran dan pelaksanaan pembelajaran.

Prosedur Kajian

Pengajaran bermula dengan pengajaran secara eksplisit, mengikut topik yang selaras dengan sukatan Bahasa Melayu Mekar. Kemudian, pembahagian tugasan melalui portal 10'M dilakukan. Di sini, guru menjalankan pengajaran pembezaan dengan memberikan tugasan mengikut tahap keupayaan dan profil murid. Setiap murid akan menerima tugasan melalui lelaman individu mereka. Murid yang lemah akan dapat melaksanakan pembelajaran mereka mengikut keupayaan mereka. Mereka dibantu dari segi pembacaan melalui pemenggalan suku kata dan teks berwarna. Cara ini membolehkan setiap murid memikul tanggungjawab dalam pembelajaran mereka sendiri. Selain itu, murid yang lebih baik juga menghulurkan bantuan kepada rakan mereka yang lemah dan bertindak sebagai fasilitator. Setelah selesai, murid akan berkumpul untuk bacaan lantang di hadapan kelas.

Guru dapat memantau keupayaan murid membaca dan juga pemahaman murid dengan mengadakan perbincangan dan mengajukan soalan yang berkaitan dengan petikan yang telah mereka baca. Ini akan diikuti dengan pembelajaran secara kendiri. Murid diberikan tugasan untuk menaip, merakamkan bacaan menerusi *podcast* atau interaksi secara lisan melalui perbincangan secara pasangan atau kumpulan untuk menggalakkan pembelajaran kolaborasi. Sekali lagi, guru dapat menetapkan jenis tugasan yang diberikan kepada murid

yang berlainan tahap keupayaan. Hasil kerja murid disemak oleh guru dan juga rakan-rakan sekelas dengan menggunakan rubrik yang disediakan. Selain itu, guru dan murid boleh memberikan komen dan juga membetulkan hasil tulisan murid yang lain.

Dapatan Kajian

Berdasarkan pemerhatian guru, murid menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan portal 10'M dalam pembelajaran mereka. Murid-murid berasa lebih bermotivasi dengan penggunaan ICT berbanding dengan pengajaran secara tradisional di dalam kelas. Ini juga dapat merangsang murid untuk menjalankan aktiviti dan melaksanakan tugas dengan lebih bersungguh-sungguh kerana hasil kerja mereka bukan sahaja akan disemak oleh guru tetapi rakan mereka yang lain juga. Dengan mengikuti pelajaran melalui ICT pula, murid dapat menyelesaikan tugasan mengikut keupayaan mereka secara individu dan tidak terlalu tertekan dengan saingan antara rakan yang lain. Cara ini memberikan murid lebih masa yang diperlukan untuk memahami dan menyelesaikan tugasan yang diberikan. Murid juga menunjukkan lebih kesungguhan dalam tugasan yang diberikan seperti menaip karangan dan merakamkan bacaan melalui *podcasting* kerana wadah ini lebih menarik dan interaktif berbanding dengan situasi di dalam bilik darjah.

Dengan penggunaan *podcasting*, murid dapat menanam sikap yakin kerana mereka dapat membaca petikan teks yang diberi secara individu dan tidak perlu bimbang jika murid melakukan kesilapan kerana murid dapat merakamkan semula suara mereka berkali-kali sehingga mendapat satu hasil yang memuaskan untuk dinilai oleh guru dan rakan. Bagi penilaian rakan sebaya juga, murid diberikan peluang untuk memantau hasil kerja rakan. Mereka juga dapat memberikan komen yang membina untuk membantu rakan memperbaik tugasan mereka. Suasana yang lebih berinteraksi ini dapat memupuk semangat

ingin belajar dalam kalangan murid untuk memperbaik bacaan dan tulisan mereka.

Penggunaan 10'M Aksara menggalakkan murid menjadi lebih kendiri dan kurang bergantung kepada guru untuk menyelesaikan tugasan mereka, terutama sekali dari segi bacaan teks. Jika murid menghadapi masalah dari segi bacaan teks, mereka boleh mendapatkan bantuan secara interaktif melalui perisian tersebut.

Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru ialah memastikan keperluan teknikal seperti komputer riba dan fon kepala atau *headphone* sentiasa dalam keadaan yang baik untuk digunakan dalam pengajaran. Selain daripada itu, guru juga harus memastikan, pembelajaran dalam kelas dapat diselesaikan dalam jangka masa yang selaras dengan penggunaan 10'M Aksara.

Selain itu, penggunaan komputer ada kaitannya dengan penggunaan ICT dalam bilik darjah. Sebelum pengajaran dapat dijalankan, kebolehan menggunakan ICT itu perlu ditangani oleh para guru. Kecanggihan teknologi ini merupakan antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan kajian. Cabaran ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu yang dihadapi oleh murid dan guru. Guru memerlukan kemahiran menggunakan kedua-dua platform agar pembelajaran dan pengajaran dapat dijalankan dengan lancar. Tanpa pengetahuan ini, agak mustahil untuk menjalankan kajian ini. Oleh itu, pada lewat tahun 2009, guru-guru telah mengikuti bengkel yang dijalankan oleh ETD untuk melatih guru menggunakan platform 10'M Aksara. Bengkel itu telah membantu guru menghasilkan rancangan-rancangan pengajaran yang sesuai bagi profil murid sekolah.

Terdapat kekangan bagi melaksanakan kajian ini bagi peringkat Darjah 1. Murid-murid Darjah 1 baharu sahaja menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekolah. Mereka belum terbiasa dengan pembelajaran yang dijalankan dalam makmal komputer. Murid memerlukan masa yang banyak untuk menyesuaikan diri menggunakan komputer sebelum pembelajaran boleh dimulakan. Proses penyesuaian ini memakan masa dua bulan. Apabila memperkenalkan aplikasi yang baharu, sekali lagi murid memerlukan masa untuk membiasakan diri dengan penggunaannya. Ini menyebabkan pembaziran masa kerana lebih banyak masa dihabiskan untuk perkara-perkara pentadbiran berbanding pembelajaran dan pengajaran itu sendiri.

Namun, situasinya berbeza bagi murid di peringkat Darjah 2 dan 3. Murid tidak menghadapi masalah dalam penggunaan platform *McOnline* disebabkan kebiasaan mereka menggunakannya pada peringkat sebelumnya. Perkara ini menyumbang kepada perlaksanaan pembelajaran pembezaan yang lebih bermakna dan berkesan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, murid menunjukkan sikap yang positif dan terbuka sewaktu mengikuti sesi yang dijalankan. Mereka mengambil masa yang singkat untuk menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran ICT dan menggunakan portal secara berkesan walaupun pada mulanya, guru dan murid menghadapi beberapa masalah teknikal. Murid juga bermotivasi untuk menyelesaikan tugasan di rumah secara kendiri atau dengan bantuan ibu bapa. Penggunaan *Podcasting* pula memberikan peluang kepada murid untuk merakam bacaan mereka berulang kali dan menilai hasil pertuturan mereka. Cara pembelajaran ini dapat menghasilkan murid yang mampu berdikari dan kolaboratif. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ICT merupakan satu wadah pembelajaran yang menarik dan berkesan.

Rujukan

Heinich, Robert (1993). *Instructional Media and the New Technologies of Instruction.* Macmillan, New York.

Merill, M.David (1986). In Lawrence Lipsite (1991). *The education technology anthropology series: Expert systems and intelligent computer-aided instruction*. Educational technology publication, Inc New Jersey. USA.

P Theroux (2004). *Enhance Learning With Technology*. Dipetik pada 18 April, 2012 dari http://members.shaw.ca/priscillatheroux/differentiating.htm

Tomlinson, Carol (2000). *The Differentiatied Classroom a Responding to the Needs fo All Beginners.* Prentice Hall. USA.